



Baca dan fahami ayat-ayat di bawah. Kamu hendaklah menyusun semula ayat-ayat mengikut urutan yang betul supaya menjadi sebuah karangan.

- Sehari sebelum sukan, murid-murid, guru-guru, dan kakitangan sekolah sibuk menghias padang, memasang khemah, dan menghias rumah sukan masing-masing.
- Pada hari sukan, para jemputan dan murid-murid berkumpul di padang.
- Sekolah saya akan mengadakan Temasya Sukan Tahunan pada hari Sabtu, 14 Mac 2020.
- Sebulan sebelum hari sukan, murid-murid bertungkus-lumus mengadakan latihan di bawah jagaan guru sukan masing-masing.
- Temasya sukan berjalan dengan lancar dan meriah. Ramai peserta menerima hadiah. Sukan berakhir pada pukul 2.00 petang. Semua murid berasa sangat gembira.

1.
2.
3.
4.
5.